

1.0 PENGENALAN

NIDA Laundry Enterprise bakal di wujudkan disalah satu premis yang dianggarkan siap pada tahun 2007. Perniagaan yang berstatus milik tunggal milik bumiputra. Adalah menjadi hasrat perniaga untuk turut serta di dalam perkembangan ekonomi kaum bumiputra menyumbang kepada ekonomi negara. Aktiviti perniagaan ini adalah menyediakan perkhidmatan dobi cucian kering dan cucian basah, mengosok dan melipat pakaian. Pemilik sedang menyertai Skim Latihan Galakan Perniagaan Kakitangan Kerajaan 2006 anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dan MARA bagi tujuan meningkatkan kemahiran mengurus dalam perniagaan. Melalui skim ini, pemilik telah dapat menimba banyak pengalaman dan pengetahuan yang amat berguna tentang selok belok perniagaan dari segi pengurusan kewangan dan juga pengurusan alat atau mesin yang terlibat dalam perniagaan dobi.

Perniagaan yang akan dimulakan ini memerlukan pembiayaan daripada pihak MARA sebanyak RM30.000 dan juga modal sendiri sebanyak RM13,000. Melalui pembiayaan ini, pemilik dapat memulakan perniagaan dengan membeli aset tetap dan juga keperluan lain untuk menjalankan perniagaan.

NIDA LAUNDERY bercadang untuk membuka cawangan dalam jangka masa lima tahun akan datang dan khidmat basuhan kering menjadi perniagaan utama, sekiranya bertambah maju dan mendapat sambutan yang memuaskan.

2.0 TUJUAN KERTAS KERJA

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk membentangkan rancangan perniagaan ini dengan lebih terperinci yang meliputi aspek pengurusan, pemasaran perkhidmatan dan juga kewangan perniagaan kepada pihak MARA. Ini dapat memberikan gambaran yang jelas dan menilai potensi perniagaan yang akan dijalankan. Pemilik memohon pembiayaan sebanyak RM30,000 (Ringgit Malaysia tiga puluh ribu sahaja), dimana sebanyak RM 13,000 (Ringgit Malaysia sepuluh Ribu sahaja) adalah wang pemilik sendiri, jangka dapat membantu perniagaan agar merealisasikan cadangan perniagaan dan seterusnya menawarkan perkhidmatan yang berkualiti dan kompetitif dengan kehendak pasaran. Disamping itu, kertas kerja ini disediakan bagi memenuhi salah satu syarat wajib bagi para peserta SLGKK (Skim Latihan dan Galakan Bagi Kakitangan Kerajaan) untuk menamatkan program latihan galakan perniagaan. Tempoh pembiayaan kewangan yang dipohon adalah selama satu tahun. Pembiayaan ini akan digunakan untuk beberapa tujuan berikut: -

- | | | |
|-----|--------------------|-----------|
| (1) | Membeli aset tetap | RM 25,500 |
| (2) | Modal pusingan. | RM 4,500 |

3.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	:	<i>NIDA LAUNDRY ENTERPRISE</i>
Alamat Berdaftar	:	<i>Bandar Nusa Idaman, Johor Bahru, Johor.</i>
Alamat Operasi	:	<i>-sama-</i>
No. Daftar Perniagaan	:	<i>Dalam proses</i>
Tarikh Pendaftaran	:	<i>Dalam proses</i>
Tarikh Mula berniaga	:	<i>2007 (jangka akan bermula)</i>
Aktiviti Perniagaan	:	<i>Milikan Tunggal</i>
Modal Awal	:	<i>RM 13,000</i>
Pemilik	:	
No. K/P	:	

4.0 LATAR BELAKANG PEMILIK

Nama :
Jawatan :
Alamat tetap :
Alamat surat menyurat :
No. Telefon :
No. Kad Pengenalan :
Tarikh Lahir :
Bangsa / Agama : *Melayu/Islam*
Pengalaman Kerja : *PEMBANTU
MAKMAL
Jabatan Kimia, Johor.*
Kursus dihadiri

Kursus	Tarikh	Anjuran
Latihan Asas perniagaan Bil: 10/2006	24 hb hingga 28/4/06	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan MARA
Skim Latihan Dan Galakan Bagi Kakitangan Kerajaan untuk mencebur dlm Perniagaan 2006	15hb. Mei - 15hb. Sept. 2006	- SAMA-

5.0 SKOP PERNIAGAAN

5.1 Aktiviti Perniagaan

- i) Cucian Kering
- ii) Cucian basah
- iii) Cuci karpet

5.2 Potensi Perniagaan

Berdasarkan kepada pemerhatian pemilik, perniagaan ini mempunyai potensi yang cukup besar untuk berkembang disekitar 5% pada tahun pertama dan akan meningkat pada tahun berturut-turutnya antara 10% hingga 20% setahun. Melalui usaha yang berterusan khidmat yang ditawarkan sentiasa dipastikan berada pada tahap kualiti yang tinggi. Lokasi kedai yang terletak ditepi jalan merupakan kawasan yang strategik dan memberi kelebihan kepada premis kerana pelanggan dapat mengunjungi dengan mudah.

- 5.3** Nusa Jaya yang termasuk dalam pelan RMK 9 yang akan terlibat sama dalam projek menjadikan Johor Bahru sebagai Bandar Metropolitan. Dengan ini Nusa Idaman juga akan menerima tempiasnya pada amnya dan NIDA laundry khususnya.

6.0 RANCANGAN PENGURUSAN

6.1 Struktur Organisasi

Secara keseluruhannya struktur organisasi adalah seperti berikut: -



Nota : Bahagian pemasaran, operasi, pentadbirandan kewangan akan diuruskan oleh pemilik sendiri.

6.2 Fungsi dan Tanggungjawab

NIDA LAUNDRY telah menyusun fungsi dan tanggungjawab berikut bagi melicinkan lagi pengurusan perniagaannya: -

6.2.1 Pengurus Operasi / Pemilik

Pengurus operasi bertanggungjawab di dalam segala aspek pengurusan perniagaan dan di samping itu juga bertindak melaraskan pengurusan dan operasi perniagaan. Pengurus operasi pula bertugas memastikan pekerja-pekerja berkerja mengikut fail meja yang telah ditetapkan atau SOP.

6.2.2 Pengurus Pemasaran/Kualiti

Pengurus pemasaran peranan utamanya ialah meningkatkan perniagaan dengan mencari pemasaran yang baru seperti di hotel-hotel, tender kerajaan dan di instituit pengajian tinggi. Kualiti produk yang dijalankan hendaklah sentiasa memenuhi selera pelanggan.

6.2.2 Pengurus Kewangan dan Pentadbiran

Aspek pentadbiran dan kewangan menjadi urusan utama yang mana melibatkan pembelian bekalan dan kawalan stok operasi. Menyediakan bajet dan mengenalpasti sumber-sumber kewangan serta mengawal kewangan perniagaan. Menjaga kehadiran pekerja dan serta mentadbirnya dari segi operasi

pendobian dan menjaga kebajikan pekerja dan keselamatan kedai.

6.2.3 Bidang Tugas Pekerja

Bertanggungjawab memastikan kebersihan dan keselamatan kedai dengan menjalankan tugas secara bijaksana, cekap dan berdaya kreatif yang tinggi agar kualiti ditahap yang memuaskan supaya perniagaan ini akan berkembang maju.

6.3 Gaji dan Ganjaran

Anggaran gaji dan ganjaran pekerja untuk sebulan adalah seperti Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1

JAWATAN	GAJI	ELAUN	KWSP	PERKESO	JUMLAH
PENGURUS		RM1200	0	0	RM1200
2 PEKERJA	RM1200		RM144	RM24	RM1368
JUMLAH	RM1200		RM144	RM24	RM1368

6.4 Belanja Pengurusan

Bagi pengurusan,perniagaan ini menganggarkan perbelanjaan dalam sebulan mengikut pelan peningkatan kapasiti perniagaannya adalah seperti Jadual 2 di bawah.

JADUAL 2

Bil	Jenis Perbelanjaan	Jumlah (RM)
1	Elaun Pengurus	1200.00
2	Gaji dan Elaun pekerja	1200.00
3	KWSP/PERKESO	168.00
4	Sewa lot perniagaan	1000.00
5	Air/Letrik	500.00
6	Telefon	100.00
7	Alatulis & belanja pejabat	50.00
8	Promosi	200.00
9	Pelbagai	100.00
10	Belian bahan mentah	500.00
11	Pengangkutan	200.00
12	Tol/ Parking	100.00
13	Majlis Pelancaran	500.00
	Jumlah	5,818.00

6.5 Strategi Pengurusan

Operasi perniagaan dan juga kakitangan amat mustahak di dalam usaha memajukan perniagaan. Oleh itu perniaga telah mengatur beberapa strategi pengurusan seperti: -

- 6.5.1** Memberi bimbingan kepada pekerja supaya dapat mewujudkan pekerja yang bertanggungjawab dan berdedikasi.
- 6.5.2** Ada hubungan yang baik diantara majikan dan pekerja dan semangat kerjasama untuk faedah bersama untuk menghasilkan kerja yang lebih efisien dan berdaya maju.
- 6.5.3** Memberi bonus berbentuk wang kepada pekerja setiap tahun jika mendapat keuntungan.
- 6.5.4** Menjaga kebajikan pekerja, seperti sakit, kematian dan masalah keluarga.

7.0 RANCANGAN TEKNIKAL /PERKHIDMATAN

7.1 Lokasi Premis

Bangunan	:	Rumah kedai 2 tingkat
Luas lantai	:	22 X 75
Buatan	:	Konkrit
Taraf Bangunan	:	Perniagaan
Hak Milik	:	Bebas
Nama Pemilik	:	Badarudin bin A.Wahab
Kos sewa	:	RM 2,000.00
Kedudukan tapak	:	Lot 138187 Nusa Idaman, Nusa Jaya Johor Bahru.

7.2 Kemudahan Asas Premis

Premis ini terletak di kawasan perumahan. Pada kebiasaannya, setiap premis yang terletak di taman perumahan, kemudahan-kemudahan asas seperti telefon, air dan elektrik akan disediakan.

7.3 Mesin dan Peralatan yang Diperlukan

Aset tetap dan peralatan yang diperlukan melalui pembiayaan ini adalah seperti jadual di bawah.

Bil	Jenis/Modal	Harga/Unit (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)
1	Mesin Basuh MAYTAG 10.5 kilo	3,850.00	1	3,850.00
2	Mesin PengeringMAYTAG 10.5 kilo	3,200.00	1	3,200.00
3	Mesin Basuh EUROPA 6 kilo	1,800.00	1	1,800.00
4	Mesin Pengering HAIER 5 kilo	900.00	1	900.00
5	Wall Fan FUJI AIR 26 in	250.00	2	500.00
6	Vacum Cleaner	850.00	1	850.00
7	AUTOMATIC BOOSTER PUMP	1,200.00	1	1,200.00
8	HIGH PRESURE CLEANER	2,000.00	1	2,000.00
9	Pengosok Baju – steam REVERBERI	2,500.00	1	2,500.00
10	Papan gosok besar (steam)	1,000.00	1	1,000.00
12	Pengubahsuaian (Meja kaunter,letrik .paip dan air)	4,000.00		4,000.00
13	EXHAUST FAN	250.00	1	250.00
14	Air Condition	1200.00	1	1200.00
15	Pemadam Api	1000.00	1	1000.00
	JUMLAH			24,250.00

7.4 Kelengkapan Yang Diperlukan


Melalui pembiayaan kewangan yang dipohon peniaga memerlukan kelengkapan premis seperti di bawah:-

BIL	PERKARA	UNIT	HARGA PERUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Mesin Tagging	2	50	100
2	Penimbang	1	300	300
3	Bakul/Plastik/tali/hanger		500	500
4	Tangki air	1	600	600
5	Pendawaian			400
	Jumlah			1,900

7.5 Senarai Pembekal

Bil	Nama & Alamat Pembekal	Bekalan
1	TAN ELECTRICAL SERVIC NO.30 Jalan Perwira 1 Taman Tun Aminah 81300 Skudai, Johor Bahru, Johor	Mesin dan Peralatan
2	WELLMAC MACHINERY SDN.BHD. 50 Jalan Sutra 3, Tmn. Sentosa 80150 Johor Bahru, Johor	Mesin dan Peralatan
3	SYARIKAT CHENG SOON NO.77, Jalan Sri Teberau 80050, Johor Bahru, Johor.	Penimbang, bakul, plastik, tali, hanger
4	RANK CHEMICAL SDN. BHD NO.18, Jalan Molek 2/5 Taman Molek 81100, Johor Bahru, Johor.	Sabun, <i>softener</i>, dan bahan lain.

7.6 Carta Aliran Proses Kerja



7.7 Anggaran Pendapatan Bulanan

Anggaran yang disediakan di bawah adalah meliputi semua perkhidmatan yang diperolehi melalui proses perkhidmatan cucian seperti berikut:-

BULAN	CUCIAN SAHAJA (RM)	CUCIAN GOSOK (RM)	DRY CLEANING (RM)	CUCIAN KARPET (RM)	JUMLAH (RM)
JANUARI	6,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	9,000.00
FEBRUARI	6,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	9,000.00
MACH	6,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	9,000.00
APRIL	6,300.00	1,575.00	1,050.00	525.00	9,450.00
MEI	6,300.00	1,575.00	1,050.00	525.00	9,450.00
JUN	6,300.00	1,575.00	1,050.00	525.00	9,450.00
JULAI	6,615.00	1,653.75	1,102.50	551.25	9,923.00
OGOS	6,615.00	1,653.75	1,102.50	551.25	9,923.00
SEPTEMBER	6,615.00	1,653.75	1,102.50	551.25	9,923.00
OKTOBER	7,276.50	1819.13	1,212.75	606.38	10,915.00
NOVEMBER	7,276.50	1819.13	1,212.75	606.38	10,915.00
DISEMBER	7,276.50	1819.13	1,212.75	606.38	10,915.00
JUMLAH	78,574.50	19,643.63	13,095.75	6,547.88	117,861.00

7.8 Cucian biasa

Muatan cucian sehari	- 90 (10 kg x 9 kali)
Pendapatan sehari	- 90 x 2.50 = RM 225.00
Pendapatan sebulan	- 225 x 25 = RM 5600.00

Cucian <i>comforter</i> 2 helai / hari	- RM 20.00
Pendapatan sebulan	- RM 500.00 (25 x 20)
Pendapatan semua	- RM 6,100.00

Gosok baju

20 helai baju/seluar sehari	- RM 24.00 (1.20 x 20)
25 hari	- RM 600.00

20 helai baju kurung	- RM 40.00 (2.00 x 20)
25 hari	- RM 1000.00
Pendapatan semua	- RM 1,600.00

Cucian kering (dry clening)

1 pasang baju kurung	- RM 12.00
Dalal 40%	- RM 4,80
10 helai /hari	- RM 48.00 (10x 4.80)
25 hari	RM 1,200.00

Cucian kapet

10 keping berbagai jenis/ sebulan	- RM 500.00
--------------------------------------	--------------------

7.9 Strategi Perkhidmatan

Di antara strategi perkhidmatan yang telah diatur oleh NIDA LAUNDY adalah seperti berikut:

- 7.9.1 Menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan menangani segala masalah dan rungutan pelanggan sebagai panduan untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kepakaran dalam bidang ini.

7.9.2 Menerima kerja mengikut keupayaan dan kapasiti yang mampu disediakan sahaja untuk menjaga kualiti dan memastikan pelanggan menerima penghantaran pakaian mengikut jadual yang di tetapkan serta dengan harga yang berpatutan

8.0 PEMASARAN

8.1 Senarai harga bagi perkhidmatan

8.1.1 Perkhidmatan Cucian Biasa

Jenis	kg @ set	Harga (RM)
Pakaian	1	2.50
comforter	1	10.00
toto narita	1	15.00

8.1.2 Perkhidmatan Menggosok

Jenis	Helai	Harga (RM)
Kemeja	1	1.20
Seluar	1	1.20
Baju kurung	1 pasang	2.00
T-shirt	1	1.00
Blouse	1	1.00

8.1.3 Perkhidmatan Cucian kering

Jenis	Sepasang helai	Harga (RM)
B/kurong	1	12.00
Seluar/panjang	1	5.00
Baju	1	5.00

8.1.4 Karpét

Saiz	Helai	Harga (RM)
5 x 7 kaki/ per	1	30.00
6 x 9 kak/i per	1	45.00
7 x 10 kaki/per	1	58.00

Nota: Senarai harga perkhidmatan sepenuhnya ada dipamerkan di premis.

8.2 Kumpulan sasaran

8.2.1 Penduduk setempat

8.2.2 Pekerja kilang

8.3 Pasaran

8.3.1 Meliputi taman perumahan :

1) Nusa Idaman

2) Taman Bukit Indah

8.3.2 Kilang di sekitar Nusa Jaya.

8.3.3 Hospital swasta di sekitar Nusa Jaya

8.3.4 “Walk in” pelanggan yang menyewa apartment hotel dan *chalet*

8.4 Saiz Pasaran

Nusa Idaman dan Taman Bukit Indah terdapat melebihi 4,000 unit rumah. 70% daripada jumlah rumah kediaman, adalah merupakan rumah kos sederhana keatas. Jika dikira hitung panjang sebuah rumah 5 orang jadi penduduknya lebih kurang 20,000. Jika 2000 (10%) orang menggunakan khidmat dobi pada permulaan saiz pasaran dapat dijangkakan seperti berikut: -

Bil. Penduduk	10% mengguna khidmat dobi	seorang penduduk menggunakan khidmat dobi 4 x sebulan	Saiz pasaran sebulan	Saiz pasaran setahun
20,000 orang	2,000 orang	RM 50.00	RM 100.000	RM 1,200,000

8.5 Pesaing

Tiada pesaing pada masa sekarang dan pesaing paling hampir di Taman Perling dan Gelang Patah yang jauhnya lebih kurang 5 km.

8.6 Syer Pasaran

Daripada saiz pasaran berjumlah RM 1,200,000 setahun, syer pasaran dianggarkan seperti berikut:-

Bil	Peniaga	%syer pasaran	Jumlah syer pasaran
1	4 buah kedai dobi berada di Taman Perling dan Gelang Patah, Johor Bahru.	80%	RM 960,000
2	NIDA LAUNDRY	20%	RM 240,000
	Jumlah	100%	RM 1,200,000

8.7 Strategi Pemasaran

8.7.1 Promosi

Di antara strategi promosi yang dilakukan oleh NIDA Laundry bagi menawarkan dan memperkenalkan khidmatnya ialah: -

1. Memberikan khidmat yang lebih cekap ,pantas dan tepat.
2. Memberikan profil perniagaan kepada semua pelanggan.
3. Mengedarkan pamflet dan broser.
4. Mengekalkan hubungan peribadi yang baik dengan pelanggan.

8.5.2 Lokasi

Lokasinya yang terletak di tepi jalan besar merupakan lokasi yang strategik bagi pelanggan untuk singgah serta menghantar dan mengambil pakaian. Antara laluan yang utama bagi penduduk-penduduk di taman berhampiran untuk menuju ke Johor Bahru.

8.5.3 Harga

Penetapan harga yang ditawarkan mengikut kadar pasaran biasa yang ditetapkan pesaing-pesaing yang lain

9.0 ASPEK KEWANGAN

9.1 Kos Pelaburan Projek

PERKARA / MODEL	JUMLAH
A) PEMBELIAN ASET TETAP	
Mesin & Peralatan	19,250.00
Rak & Ubahsuai	4,000.00
Pengosok baju steam	2,550.00
Penimbang pakaian	300.00
Tangki air	600.00
Raga /hanger/plastik	500.00
Papan gosok	1,000.00
Kipas angin	500.00
Air condition	1,200.00
Pendawaian	400.00
Pemadam api	1,000.00
B) MODAL PUSINGAN	
Stok Barang Permulaan	2,000.00
Elaun Pengurus & Pekerja	2,400.00
Sewa	1,000.00
Telefon	150.00
Elektrik & Air	500.00
KWSP & SOCSO	168.00
Alatulis	50.00
Pengangkutan	200.00
promosi	200.00
Tol & Parking	100.00
Pelbagai	100.00
Majlis Pelancaran	500.00
C) BELANJA PERMULAAN	
Deposit Kedai	3,000.00
Deposit Utiliti	1,500.00
Daftar Perniagaan	200.00
Lesen Majlis Perbandaran	300.00
Dokumentasi & Guaman	200.00
Latihan & Kursus	1,000.00
JUMLAH KOS PELABURAN PROJEK	40,684.00

9.2 Anggaran Aliran Tunai Dan Penyata Kewangan.

Oleh kerana premis ini merupakan sebuah perniagaan yang baru, maka anggaran penyata kewangan yang dibentangkan ini mengambil kira perkara-perkara yang berikut: -

- 9.2.1 Pembiayaan diperoleh dahulu sebelum kapasiti dapat ditingkatkan.
- 9.2.2 Anggaran Aliran Tunai dan Prestasi Kewangan disediakan selama 3 tahun selepas pembiayaan.
- 9.2.3 Belian daripada pembekal dibuat secara tunai atau bayaran tertundakurang 1 bulan
- 9.2.4 Penyediaan Anggaran Penyataan Pendapatan mengambil kira susut nilai aset melalui kaedah garis lurus mengikut peratus susut nilai seperti berikut:-
 - ~ Kelengkapan Pejabat – 10%
 - ~ Aset Tetap – 20 %
 - ~ Ubahsuai – 10%

10.0 JUSTIFIKASI DAN PENUTUP

Berdasar kepada perancangan dan unjuran pendapatan yang telah dibentangkan, perniagaan amat berkeyakinan bahawa perniagaan yang diceburi ini akan memberi pulangan yang menguntungkan. unjuran-unjuran yang dibuat untuk tahun pertama operasi selepas mendapat pembiayaan adalah amat konservatif kerana mengambil kira faktor perniagaan masih di peringkat awal.

Peniaga telah membuat kajian dan perancangan yang sistematik bagi membolehkan perniagaan berjalan dengan lancar. Oleh yang demikian, perniagaan NIDA LAUNDRY amat optimis, yang perniagaan ini amat berdaya saing dan mampu berkembang di masa hadapan.

Diharap permohonan ini mendapat pertimbangan sewajarnya daripada pihak institusi kewangan, kerana melalui cara ini sahaja perniagaan dapat dikembangkan. NIDA LAUNDRY amat berharap ia diberikan peluang untuk turut sama menjadi sebahagian daripada *Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPP)* yang berjaya di negara ini.